

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN ASMAK BINTI HUSIN
TARIKH : 7 MEI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 1

Puan Asmak binti Husin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah fasa pelaksanaan i-Suri dan sejauh manakah pencapaian terkini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Program Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) merupakan satu inisiatif Kerajaan bagi mewujudkan jaringan sosial yang asas kepada kaum wanita. Ia juga bertujuan memperkasa hak wanita dan mengiktiraf kepentingan peranan kaum wanita terutamanya dalam kalangan suri rumah. Terdapat tiga (3) fasa bagi pelaksanaan i-Suri iaitu:

- (i) **Fasa pertama:** Caruman secara **sukarela** dengan insentif Kerajaan melalui sumbangan ke akaun KWSP;
- (ii) **Fasa kedua:** Caruman secara **sukarela** dengan insentif Kerajaan melalui sumbangan ke akaun KWSP dan perluasan perlindungan sosial kepada suri rumah di bawah kendalian PERKESO; dan
- (iii) **Fasa ketiga:** Caruman **wajib** suami melalui potongan caruman KWSP (2%) kepada isteri (suri rumah sepenuh masa).

Fasa pertama telah dilancarkan pada 8 Ogos 2018 dan mula berkuat kuasa serta dibuka untuk pendaftaran pada 15 Ogos 2018. Bagi pelaksanaan Fasa 1 tahun 2019, kumpulan sasar yang layak memohon i-Suri telah diperluaskan meliputi wanita dan suri rumah yang berumur 18 tahun ke atas dan belum mencapai 60 tahun semasa pendaftaran dan berdaftar dengan eKasih sehingga 30 November 2018 berbanding pada tahun 2018. Data yang digunakan pada tahun 2018 ialah pendaftaran wanita dan suri rumah yang berdaftar dengan eKasih sehingga 30 Jun 2018.

Jumlah suri rumah dan wanita yang telah mendaftar i-Suri sehingga 30 April 2019 adalah seramai 107,619 orang. Pada masa kini, Kementerian melalui Agensi Pelaksana dan Rakan Strategik termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) masih menggiatkan aktiviti promosi i-Suri melalui inisiatif *mobile team* dan siaran media. Inisiatif mempromosikan i-Suri melalui *Program Outreach* oleh JKJ dan AIM dilihat amat membantu dalam memberikan

SOALAN NO. 1

pendedahan mengenai i-Suri kepada kumpulan sasar dan seterusnya meningkatkan jumlah pendaftaran dalam kalangan wanita yang layak dan memenuhi kriteria.

Bagi pelaksanaan Fasa 2, PERKESO telah merangka draf Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Sosial Untuk Suri Rumah. Berdasarkan semakan, draf RUU tersebut masih di peringkat semakan oleh Kementerian Sumber Manusia sebelum dikemukakan untuk semakan Jabatan Peguam Negara dan seterusnya dibentangkan di Parlimen.

Bagi pelaksanaan Fasa 3 pula, draf pindaan Akta KWSP 1991 telah disediakan dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen semasa sesi Julai 2019. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Fasa 3 dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2020.

Dengan adanya perancangan ini, Kementerian berharap kesejahteraan wanita akan meningkat terutama wanita dalam kedudukan yang paling rentan dalam negara.